



KERAJAAN MALAYSIA

**Peruntukan Khas Kerajaan Kepada Kelab
Kebajikan Dan Sukan Peringkat Kementerian/
Jabatan Untuk Melaksanakan Aktiviti Sosial,
Kebajikan Dan Sukan**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

AKTIVITI SOSIAL.....	2
WP 8.1 Peruntukan Khas Kerajaan Kepada Kelab Kebajikan Dan Sukan Peringkat Kementerian/Jabatan Untuk Melaksanakan Aktiviti Sosial, Kebajikan Dan Sukan.....	2
1. Tujuan.....	2
2. Latar Belakang.....	2
3. Peraturan.....	2

AKTIVITI SOSIAL

WP 8.1 Peruntukan Khas Kerajaan Kepada Kelab Kebajikan Dan Sukan Peringkat Kementerian/Jabatan Untuk Melaksanakan Aktiviti Sosial, Kebajikan Dan Sukan

1. Tujuan

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk menetapkan peraturan dan kadar baru peruntukan khas Kerajaan bagi melaksanakan aktiviti sosial, kebajikan dan sukan di agensi Kerajaan.

2. Latar Belakang

- 2.1 Pada masa ini Kerajaan memberi sumbangan sebanyak RM1.00 seorang ahli setahun kepada Kelab Kebajikan dan Sukan bagi membiayai perbelanjaan aktiviti sosial, kebajikan dan sukan di agensi Kerajaan. Bagi mengelakkan kelab mendapatkan sumbangan atau tajaan dari sektor swasta, Kerajaan bersetuju untuk menyediakan peruntukan khas tertakluk kepada kadar dan syarat yang ditetapkan seperti di bawah.

3. Peraturan

- 3.1 Kelab Kebajikan dan Sukan yang layak menerima peruntukan khas Kerajaan adalah kelab yang ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan untuk melaksanakan aktiviti sosial, sukan dan kebajikan bagi ahlinya. Kelab Kebajikan dan Sukan ini hendaklah berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.
- 3.2 Kadar dan syarat pengeluaran peruntukan khas adalah seperti berikut:

3.2.1 Sumbangan Asas

Sumbangan asas sebanyak RM10 seorang ahli setahun.

3.2.2 *Matching Grant*

Matching Grant bagi setiap ringgit yuran bulanan yang dibayar oleh ahli maksimum RM20 setiap ahli setahun.

3.2.3 Syarat

- (a) Kelab Kebajikan dan Sukan telah berdaftar dan ahli membayar yuran; dan

- (b) bagi anggota yang menjadi ahli lebih daripada satu kelab, sumbangan hanya layak diberikan bagi satu keahlian kelab sahaja.

3.2.4 Kaedah Tuntutan

- (a) bagi sumbangan asas bayaran akan dibuat pada awal tahun kepada semua kelab berasaskan jumlah ahli dari peruntukan Kementerian; dan
- (b) *matching grant* akan diberi berdasarkan bukti bayaran seperti dalam akaun kewangan kelab yang telah diaudit.

Kementerian boleh mengikut budi bicara Pegawai Pengawal memperuntukkan tidak lebih daripada 20% sumbangan ini kepada PUSPANITA, BAKAT, PERKEP dan PERWAKILAN.

- 3.3 Semua permohonan hendaklah diselaras oleh Kementerian. Peruntukan hendaklah disediakan melalui belanjawan tahunan.
- 3.4 Dengan sumbangan yang disediakan oleh Kerajaan, kelab tidak seharusnya meminta sumbangan atau tajaan dari sektor swasta.